

06 JAN 1999

KETUA MENTERI TAMIL NADU LAWAT M'SIA MULAI ESOK

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tamil Nadu, M.Karunanidhi akan tiba di sini esok untuk lawatan selama tiga hari bertujuan mempelajari pengalaman Malaysia dalam menjalankan projek penswastaan dan prasarana.

Semasa lawatannya itu, Karunanidhi akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta menghadiri satu jamuan malam yang diberikan oleh Dewan Perniagaan India Malaysia.

Pada hari Sabtu, Karunanidhi dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini adalah lawatan kedua ke Malaysia oleh ahli politik veteran ini yang berusia 76 tahun yang sedang dalam penggal keempat sebagai ketua menteri negeri di selatan India ini.

Perbincangannya dengan para pegawai Kementerian Kerja Raya dan sektor swasta dijangka akan tertumpu kepada kemungkinan syarikat-syarikat Malaysia menyertai projek-projek lebuhraya dan pembinaan Tamil Nadu.

Antara lain, kerajaan negeri Tamil Nadu sedang merancang untuk membina lebuhraya bertingkat menghubungi Pelabuhan Chennai dan Tambaram. Sekarang syarikat IGM Corporation Berhad dari Malaysia terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Chennai berharga RM60 juta.

Beberapa pengeluar tenaga bebas (IPP) Malaysia telah ditawarkan projek tenaga di Tamil Nadu, termasuk projek 1000 mw di Cuddalore dan satu lagi projek 600 mw di Chennai Utara.

Tamil Nadu dengan jumlah penduduk 55 juta ialah ekonomi yang kelima terbesar di India, dengan pertumbuhan eksport tahunan sebanyak 26 peratus.

--BERNAMA

RV WAT